

BAB 5: APLIKASI TEKNOLOGI REKA BENTUK FESYEN



1. Tuliskan 'A' untuk definisi fesyen dan 'B' untuk definisi reka bentuk dan fesyen pada ruang yang disediakan.

<i>Gaya atau stail serta tingkah laku yang diterima dan menjadi popular pada satu-satu masa.</i>	
<i>Suatu proses atau bidang seni yang mengaplikasikan idea pada sesuatu reka bentuk atau rekaan pakaian atau aksesori.</i>	

2. Berikut merupakan istilah yang digunakan dalam reka bentuk fesyen.

<i>A</i>	<i>Fesyen</i>
<i>B</i>	<i>Reka bentuk</i>
<i>C</i>	<i>Reka bentuk dan fesyen</i>

Padankan definisi berikut dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan.

Proses atau bidang seni yang mengaplikasikan idea pada sesuatu reka bentuk atau rekaan pakaian atau aksesori

Proses menterjemah idea dan kreativiti bagi menghasilkan produk

Gaya atau stail serta tingkah laku yang diterima dan popular

3. Berikut merupakan kerjaya dalam bidang reka bentuk fesyen.

Pereka fesyen

Peramal fesyen

Perunding imej

Padankan pernyataan berikut dengan menulis kerjaya tersebut pada ruang yang disediakan.

<i>Melinda Looi melakar reka bentuk fesyen baharu dengan bantuan program komputer untuk artis-artis tempatan bersempena Majlis Anugerah Bintang Popular</i>	
<i>Didiyana Ehsan merupakan penata gaya hijab selebriti dan golongan VIP di Malaysia seperti Neelofa, Vivy Yusof dan Lisa Surihani</i>	
<i>Melisa bekerja sebagai penganalisis trend fesyen terkini dan mengadakan penganjuran pameran pakaian dan aksesori</i>	



4. Lengkapkan rajah berikut dengan jenis reka bentuk fesyen.



5. Lengkapkan jadual berikut dengan menulis **A**, **B**, **C** dan **D** dalam ruang jawapan.

<i>A</i>	<i>Tudung</i>
<i>B</i>	<i>Skaf</i>
<i>C</i>	<i>Blaus</i>
<i>D</i>	<i>Kasut</i>

<i>Pakaian</i>	<i>Aksesori</i>

6. Berikut merupakan contoh hiasan yang menggunakan kaedah sulaman.



A



B



C

Padankan kaedah sulaman berikut dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan.

Sulaman manik

Sulaman *applique*

Sulaman reben



7. Nyatakan **tiga** jenis alatan menanda dalam reka bentuk fesyen.

- a. _____
- b. _____
- c. _____


8. Berikut merupakan alatan memotong.



A



B



C

Padankan fungsi berikut dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan.

Menggunting bahagian yang kecil atau sempit

Menggunting kertas

Menggunting fabrik

9. Berikut merupakan alatan yang digunakan dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen

A	<i>Penetas</i>
B	<i>Tweezer</i>
C	<i>Roda surih dan kertas karbon</i>

Padankan fungsi berikut dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan.

Memindahkan tanda dan garis dalam kerja membuat penyesuaian pola

Memasukkan benang ke dalam lubang jarum

Menebuk lubang butang